



KENYATAAN AKHBAR

PELANTIKAN OPERATOR BAGI TAPAK PARKIR DI STESEN KERETAPI ARAU MULAI 1 MEI 2018

Perbadanan Aset Keretapi (*Railway Assets Corporation* - RAC) mengambil maklum akan penularan berita melalui aplikasi *Facebook* *PerlisAktif* mengenai pengoperasian tapak parkir kenderaan di Stesen Keretapi Arau mulai 1 Mei 2018. Pelbagai maklum balas diterima daripada orang ramai. Oleh yang demikian, kenyataan akhbar ini dibuat bagi memastikan pengguna mendapat maklumat yang benar dan memahami keperluan pelantikan operator bagi kawasan parkir tersebut.

Untuk makluman, Perbadanan ini telah melantik syarikat *Adventure Realty Sdn Bhd* bagi tujuan pengurusan dan operasi tempat letak kereta di tapak parkir kereta Stesen Keretapi Arau, Perlis mulai 1 Mei 2018. Pemilihan syarikat tersebut telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah-tanah RAC Bil.1/2018 yang bersidang pada 5 Februari 2018.

Buat masa ini, tiada caj dikenakan terhadap pengguna parkir yang meletakkan kenderaan mereka di dalam kawasan parkir tersebut.

Tujuan utama operator parkir ini dilantik adalah bagi membolehkan fasiliti dan persekitaran kawasan tersebut dapat dijaga dan diselenggara dengan baik bagi memastikan keselesaan pengguna. Selain itu, operator tersebut juga bertanggungjawab kepada keselamatan kenderaan yang diletakkan di dalam

kawasan parkir tersebut dan pengguna yang meletakkan kenderaan mereka daripada risiko jenayah seperti kecurian dan pecah masuk kenderaan.

Pelantikan operator ini bukan bersifat keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada pihak yang akan bertanggungjawab kepada pengurusan, penyenggaraan dan kawalan keselamatan kenderaan di tapak parkir berkenaan.

RAC telah melantik sebanyak 11 operator bagi tapak parkir di 22 stesen keretapi. Sebanyak 12 tapak parkir diuruskan oleh KTMB Car Park manakala 10 lagi adalah syarikat-syarikat operator yang dilantik melalui proses sebut harga.

PERBADANAN ASET KERETAPI

20 April 2018

-TAMAT-